





SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 18 Zulhijjah 1443 / 18 Julai 2022

- I. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam adalah pada kadar purata kira-kira 1730 kes setiap hari. Sebanyak 68,893 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 17.5% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.





- i) Pada hari ini, sebanyak **1 kes** berada di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **15 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sepertimana dalam masa minggu-minggu sebelum ini, lebih **99%** daripada kes-kes yang dikesan dalam masa satu minggu kebelakangan telah dikategorikan di dalam Kategori 1 atau 2 dan tidak memerlukan rawatan di hospital.
- iii) Sehingga kelmarin, 17 Julai 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut,
 - **74.0%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin manakala **5.0%** juga telah mendapatkan dos keempat;

- Sebanyak **78.0%** daripada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun telah mendapatkan dos kedua vaksin;
 - Manakala **51.8%** remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah mendapatkan dos ketiga vaksin.
2. Pada hari ini, sebanyak **1,772 kes baru** telah dilaporkan iaitu 1,762 kes hasil ujian ART dan 10 kes adalah hasil dari 334 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.
 3. Orang ramai adalah diingatkan untuk memuatnaik keputusan ujian ART, samada positif atau negatif ke aplikasi *BruHealth* untuk membantu Kementerian Kesihatan memantau situasi jangkitan.
 4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 18 Zulhijjah 1443H / 18 Julai 2022